



GARIS PANDUAN PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN/ *EMERGENCY RESPONSE TEAM* (ERT)

MANUAL PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN	HALAMAN		DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>	1		28

1.0 PENGENALAN

Garis panduan ini dibangunkan bagi memastikan tindakan menghadapi kecemasan dilaksanakan secara seragam, terancang dan memenuhi segala prosedur keselamatan jika berlaku kecemasan di Universiti Malaysia Perlis.

2.0 SKOP

Garis panduan ini dibangunkan sebagai panduan kepada Pasukan Tindakan Kecemasan/ *Emergency Response Team (ERT)* dalam mengendalikan sebarang kecemasan bagi memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan diuruskan dengan berkesan dan sistematik di Universiti Malaysia Perlis.

Garis panduan ini adalah sebagai panduan kepada semua pekerja, pelawat dan orang berkepentingan yang berada di UniMAP di mana mereka hendaklah mematuhi apa-apa arahan dan prosedur yang berkaitan apabila berlaku kecemasan sepanjang masa berada di Universiti.

Secara umumnya tujuan garis panduan ini dibuat adalah untuk :

- Memberi kesedaran kepada staf, pelajar dan pelawat mengenai tindakan yang perlu diambil sekiranya diancam dengan berbagai jenis bencana / kecemasan.
- Membolehkan ERT untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan teratur dan selamat serta memenuhi segala prosedur keselamatan yang terpakai di Universiti semasa menghadapi bencana / kecemasan.

3.0 KEPERLUAN UNDANG-UNDANG

- 3.1 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Pindaan) 2022.
- 3.2 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Pindaan) 2012.
- 3.3 Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) (Pindaan) 2020.
- 3.4 ISO45001: 2018 *Occupational Safety and Health Management – Requirement*.

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN	HALAMAN		DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>	2		28

4.0 SINGKATAN / DEFINISI

- 4.1 UniMAP : Universiti Malaysia Perlis
- 4.2 COSHE : Pusat Pengurusan Keselamatan Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan
- 4.3 JKes : Jabatan Keselamatan
- 4.4 PKU : Pusat Kesihatan Universiti
- 4.5 PTj : Pusat Tanggungjawab
- 4.6 ERP : Pelan Tindakan Kecemasan / *Emergency Response Plan*
- 4.7 ERT : Pasukan Tindakan Kecemasan/ *Emergency Response Team*
- 4.8 Pegawai Insiden : Staf UniMAP yang dilantik sebagai komander insiden atau timbalan komander insiden bertanggungjawab terhadap sebarang kecemasan dan aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan di zon masing-masing.
- 4.9 Bantu Mula Rawatan : Pertolongan awal yang diberikan kepada mereka yang cedera atau sakit dengan tiba-tiba sebelum mendapat rawatan dari pihak perubatan.
- 4.10 Simulasi *Tabletop Exercise (TTX)* : Kaedah latihan berasaskan perbincangan untuk menyemak dan menguji keupayaan teori kumpulan untuk bertindak balas terhadap situasi kecemasan yang disimulasikan.

5.0 DEFINASI KECEMASAN

Kecemasan merupakan satu keadaan atau situasi yang berlaku secara mendadak atau tidak dijangka yang boleh menyebabkan kecederaan, penyakit, kerosakan harta benda atau alam sekitar yang memerlukan tindakan segera.

Kecemasan yang mungkin berlaku di Universiti boleh dikelaskan seperti berikut :


- Kebakaran
- Keruntuhan bangunan dan struktur khas
- Kemalangan kimia, biologi, radiologi dan nuklear
- Bencana industri - kejadian letupan, kebakaran, pencemaran dan kebocoran bahan-bahan berbahaya (*hazardous materials*)
- Bencana alam - kejadian banjir, ribut/taufan, gempa bumi dan tanah runtuh

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN	HALAMAN		DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>	3		28

6.0 TAHAP KECEMASAN

- 6.1 **Kecemasan Peringkat 1** : Sekiranya kecemasan berlaku di dalam mana-mana bangunan di UniMAP dan kecemasan itu adalah kecil dan dijangkakan ia tidak akan melibatkan aras lain di dalam bangunan tersebut dan pengungsian bangunan hanya melibatkan aras tersebut sahaja atau tidak melibatkan proses pengungsian bangunan.
- 6.2 **Kecemasan Peringkat 2** : Sekiranya kecemasan berlaku di dalam mana-mana bangunan di UniMAP dan kecemasan itu melibatkan proses pengungsian bangunan bagi keseluruhan bangunan tersebut dan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) tersebut perlu digerakkan tetapi tidak melibatkan pengungsian bagi bangunan-bangunan lain.
- 6.3 **Kecemasan Peringkat 3** : Sekiranya kecemasan berlaku di dalam mana-mana bangunan di UniMAP dan kecemasan itu melibatkan proses pengungsian bagi bangunan tersebut dan juga melibatkan pengungsian bangunan yang bersebelahan dengan bangunan tersebut.
- 6.4 **Kecemasan Peringkat 4** : Perisytiharan darurat atau bencana alam pada peringkat Daerah, Negeri atau Negara. Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara akan dilaksanakan.

Rajah 1.1 Peringkat Kecemasan di UniMAP



 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN	HALAMAN		DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>	4		28

7.0 TANGGUNGJAWAB UMUM SEMASA KECEMASAN

7.1 Pusat Tanggungjawab (PTj)

- Biasakan diri dengan bangunan dan Prosedur Tindakan Kecemasan dan bertindak sekiranya berlaku kecemasan.
- Laporkan terus kepada Komander Insiden tentang bahan/ aktiviti berbahaya jika kecemasan berada di dalam/ berhampiran kawasan tempat kerja untuk memastikan keselamatan ERT dan penyambungan semula operasi secepat mungkin.
- Mengambil bahagian dalam latihan kebakaran dan menjalankan latihan mengikut keperluan.
- Memaklumkan dan membantu kontraktor/ pelawat yang tidak biasa dengan prosedur tindakan kecemasan bangunan sebelum dan semasa kecemasan.
- Pihak pengurusan tempat kerja hendaklah melaksanakan orientasi berkaitan tindakan kecemasan kepada pekerja baharu.

7.2 Staf

- Biasakan diri dengan bangunan dan Prosedur Tindakan Kecemasan serta bersedia untuk memberikan arahan kepada pelajar yang menghadiri kelas sekiranya berlaku kecemasan.
- Orientasikan pelajar dengan memberi gambaran ringkas mengenai prosedur tindakan kecemasan pada awal sesi pembelajaran dengan :
 - Menyediakan maklumat am berkaitan prosedur kecemasan;
 - Maklumkan kepada pelajar bahawa pengungsian diperlukan apabila sistem penggera diaktifkan; dan
 - Maklumkan pelajar lokasi jalan keluar terdekat dan tempat berkumpul yang telah ditetapkan.
- Menghubungi agensi keselamatan yang berkaitan.

7.3 Pelajar

- Biasakan diri dengan bangunan dan Prosedur Tindakan Kecemasan dan bertindak sekiranya berlaku kecemasan.
- Bertindak balas dengan penggera bangunan dan segera berpindah ke tempat selamat.
- Ikut arahan pengungsian dari ERT dan agensi bantuan luar.

8.0 PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN (ERT)

- 8.1 Setiap Jabatan digalakkan untuk menubuhkan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) yang berperanan sebagai Responden Pertama untuk memastikan tindakan awal dapat diambil bagi mengawal insiden kecemasan di tempat kerja.
- 8.2 Secara amnya, COSHE berperanan dalam pengurusan kecemasan dan insiden di UniMAP. Manakala keperluan mendapatkan latihan bagi pengurusan Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) termaktub dalam Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) (Pindaan) 2020 merupakan salah satu syarat wajib bagi permohonan Perakuan Bomba (FC).

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS UwMAP	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>		5	28

- 8.3 Keperluan penubuhan ERT selaras dengan peruntukan perundangan Bahagian IV, Seksyen 15, Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022, menerangkan bahawa tiap-tiap majikan perlu memastikan setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja kepada semua pekerjanya.
- 8.4 ERT diketuai Komander Insiden yang dilantik oleh Naib Canselor dan ahli pasukan yang lain adalah dilantik oleh Ketua Jabatan PTJ. Surat pelantikan dikeluarkan kepada setiap ahli yang menyatakan tempoh pelantikan berkuatkuasa dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan PTJ tersebut.
- 8.5 Secara umumnya ERT :
- Bertanggungjawab terhadap keselamatan staf, kontraktor dan pelawat serta persekitaran ketika situasi kecemasan.
 - Merancang pelan tindakan kecemasan bersesuaian dengan aktiviti tempat kerja.
 - Menggerakkan organisasi apabila berlaku kecemasan.
 - Menghubungi agensi luar yang berkaitan untuk mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.
 - Mengeluarkan arahan untuk mengaktifkan pelan pengungsian bangunan tempat kerja.
 - Memaklumkan kepada pihak pengurusan universiti mengenai kejadian kecemasan.
 - Menyediakan maklumat untuk laporan kejadian kecemasan yang berlaku.


9.0 STRUKTUR ERT

- 9.1 ERT diketuai Komander Insiden yang dilantik oleh Naib Canselor dan ahli pasukan yang lain adalah dilantik oleh Ketua Jabatan PTJ. Surat pelantikan dikeluarkan kepada setiap ahli yang menyatakan tempoh pelantikan berkuatkuasa dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan PTJ tersebut.
- 9.2 Sekiranya terdapat pertindihan bagi kawasan pentadbiran di antara PTJ, pilihan pasukan ERT atau gabungan pasukan ERT PTJ yang terlibat untuk memimpin latihan boleh dibuat berdasarkan ciri-ciri peribadi dan kesediaan personel untuk memimpin. Keutamaan memimpin hendaklah diberi kepada PTJ yang lebih luas kawasan pentadbiran yang terlibat seperti yang terdapat dalam struktur organisasi PTJ.
- 9.3 Pelantikan ERT terdiri daripada staf atau pelajar di mana ahli mengetahui peranan dan tanggungjawab masing-masing ketika menghadapi situasi kecemasan seperti kebakaran, gegaran, rusuhan dan seumpamanya.
- 9.4 Setiap ahli yang dilantik perlu menghadiri kursus dan latihan yang ditetapkan dalam tempoh lantikan berkuatkuasa supaya ahli mempunyai kemahiran bagi menguruskan situasi kecemasan.

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN	HALAMAN		DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>	6		28

- 9.5 Pasukan ini mempunyai kemahiran dalam menggunakan peralatan pencegahan dan kelengkapan keselamatan kebakaran serta berkeupayaan bertindak segera untuk memberikan bantuan menyelamatkan dan mengungsi bangunan.

Rajah 1.2 Carta Organisasi ERT



10.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

10.1 Komander Insiden

- Bertanggungjawab terhadap keselamatan staf, pelajar, kontraktor dan pelawat serta persekitaran tempat kerja.
- Menggerakkan organisasi apabila berlaku kecemasan.
- Mengeluarkan arahan untuk mengaktifkan pelan pengungsian bangunan.
- Menerima laporan *head count* daripada ketua blok dan melaporkan kepada pihak Bomba.
- Memaklumkan kepada COSHE, JP, JKes dan agensi berkaitan (Bomba dan Hospital) semasa berlaku kecemasan.
- Mengarahkan penghuni memasuki semula bangunan setelah mendapat pandangan/nasihat dari agensi berkaitan.
- Menyelaras dokumen tindakan kecemasan bagi bangunan/ zon terlibat.
- Memaklumkan ketiadaan kepada timbalan komander insiden sebagai persediaan sekiranya berlaku sebarang kecemasan.

10.2 Timbalan Komander Insiden

- Membantu Komander Insiden semasa kecemasan dan mengambil alih tugas dan tanggungjawab sekiranya ketiadaan Komander Insiden.
- Membantu merancang dan melaksanakan program keselamatan kebakaran.
- Membantu menggerakkan organisasi apabila berlaku kecemasan.
- Membantu mengeluarkan arahan untuk mengaktifkan pelan pengungsian bangunan.
- Menyelaras maklumat bagi dokumen tindakan kecemasan dan info keselamatan kebakaran PTj.

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN	HALAMAN		DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>	7		28

10.3 Historian/ Pegawai Dokumentasi

- i. Mencatat kronologi/skenario yang berlaku sepanjang insiden kecemasan seperti masa penghuni keluar, masa mangsa yang cedera di bawa keluar, masa ambulan sampai, masa letupan sekiranya ada, masa bomba sampai dan lain-lain.
- ii. Membantu menyediakan maklumat bagi dokumen tindakan kecemasan dan info keselamatan kebakaran PTj.

10.4 Ketua Blok

- i. Membuat penilaian hazard/ risiko yang terdapat di kawasan blok.
- ii. Menyelaras senarai nama dan status kesihatan penghuni di blok.
- iii. Mengemaskini maklumat/ info kebakaran seperti pelan laluan kecemasan, talian kecemasan, papan tanda keselamatan dan maklumat pasukan ERT setiap kali berlaku perubahan/selepas berlaku kecemasan.
- iv. Melaporkan kepada pegawai insiden mengenai kejadian kecemasan.
- v. Memberi arahan pengungsian bangunan kepada semua ketua aras di blok terlibat.
- vi. Menunggu di tempat berkumpul untuk penyusunan barisan mengikut aras.
- vii. Memeriksa kehadiran penghuni di tempat berkumpul dengan melaksanakan *headcount* dan memberi laporan lengkap kepada penolong pegawai insiden.
- viii. Menerima arahan *stand down* daripada pegawai insiden.
- ix. Bersurai setelah mendapat arahan lokasi kejadian selamat daripada pegawai insiden.

10.5 Ketua Aras

- i. Mengenalpasti hazard/ risiko yang terdapat di aras.
- ii. Mengemaskini senarai nama dan status kesihatan penghuni di aras.
- iii. Mengemaskini maklumat/ info kebakaran seperti pelan laluan kecemasan, talian kecemasan, papan tanda keselamatan dan maklumat pasukan ERT setiap kali berlaku perubahan/selepas berlaku kecemasan.
- iv. Memeriksa dan mengesahkan kejadian serta melaporkan situasi kepada ketua blok.
- v. Mengarahkan penghuni keluar ke tempat berkumpul apabila terdengar amaran atau arahan untuk mengungsikan bangunan
- vi. Memeriksa setiap bilik termasuk tandas, pantri supaya tiada penghuni yang cedera atau terperangkap.
- vii. Mengetuai penghuni aras ke tempat berkumpul yang ditetapkan mengikut blok dan aras masing-masing.
- viii. Menerima arahan *stand down* daripada pegawai insiden.
- ix. Bersurai setelah mendapat arahan lokasi kejadian selamat daripada pegawai insiden.

10.6 Pasukan Penyelamat

- i. Menyelamatkan mangsa yang terperangkap, cedera, sakit dan kurang upaya untuk keluar dari bangunan ke tempat berkumpul.
- ii. Memastikan tiada penghuni yang terperangkap di dalam lif semasa kejadian kecemasan.
- iii. Membantu pasukan pemadam memadamkan kebakaran sekiranya tiada mangsa yang perlu diselamatkan atau terperangkap.
- iv. Membantu agensi luar yang berkaitan dalam mengendalikan situasi kecemasan.

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>		8	28

10.7 Pasukan Pemadam

- i. Memadamkan kebakaran sekiranya kecil dan tidak berbahaya menggunakan peralatan melawan kebakaran sedia ada.
- ii. Membantu agensi luar yang berkaitan dalam mengendalikan situasi kecemasan.

10.8 Pasukan Tumpahan Kimia/ Chemical Spillage Team

- i. Mengendalikan tumpahan kecil bagi bahan kimia merbahaya.
- ii. Membantu agensi luar yang berkaitan dalam mengendalikan situasi kecemasan.

10.9 Pasukan Bantu Mula/ *First Aider*

- i. Memberikan rawatan/ bantuan awal kepada mangsa sebelum ketibaan pasukan perubatan di tempat selamat/ tempat berkumpul.
- ii. Melaporkan keadaan mangsa tempat kejadian kepada pegawai insiden.
- iii. Memberi maklumat kecederaan mangsa kepada pasukan perubatan.

10.10 Pasukan Kawalan Trafik/ Lalu Lintas

- i. Memaklumkan dan membuat panggilan kecemasan kepada pegawai insiden, COSHE, JKes dan PKU sekiranya berlaku kecemasan.
- ii. Mengawal pergerakan lalu lintas staf, pelajar, kontraktor dan pelawat ke tempat berkumpul dengan selamat.
- iii. Menutup laluan dan menghalang kenderaan keluar masuk semasa berlaku kecemasan.
- iv. Memastikan laluan bebas dari halangan yang boleh menghalang akses kenderaan/ jentera agensi luar masuk ke lokasi kecemasan.
- v. Memandu arah pasukan ERT dan agensi luar untuk ke lokasi kecemasan.
- vi. Mengawal keadaan sekitar lokasi kecemasan dan bangunan sebelum keadaan diisytiharkan selamat.

11.0 PELAN TINDAKAN KECEMASAN (ERP)

11.1 Pelan tindakan kecemasan merupakan perancangan secara sistematik yang perlu diambil apabila berlaku kecemasan di tempat kerja. Ia merupakan prosedur asas bagi membantu melindungi nyawa dan harta benda menerusi sumber yang ada dalam kampus. Pelan ini turut menerangkan tugas dan tanggungjawab (pelajar dan staf) di semua peringkat jika berlaku sebarang insiden.

11.2 ERT hendaklah menyediakan ERP berdasarkan situasi tempat kerja PTj masing-masing. Pelan ini dibangunkan berdasarkan kepada andaian :

- Universiti akan sentiasa terdedah kepada impak dari hazard yang telah diterangkan dan pertambahan hazard pada masa akan datang.
- Mungkin akan berlaku bencana besar atau kecemasan berulang kali.
- Tindakan mitigasi yang tepat boleh menghalang atau mengurangkan jumlah kerugian yang berkaitan akibat dari insiden/ kemalangan.
- Melalui pelan kecemasan, latihan kebakaran (*fire drill*) akan meningkatkan tahap kebersediaan bagi tindakan kecemasan.

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>		9	28

- 11.3 Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) yang mengandungi butiran seperti yang berikut :
- Pengenalan Tempat Kerja/Organisasi
 - Singkatan/Definisi Kecemasan
 - Tanggungjawab Umum Semasa Kecemasan
 - Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT)
 - Prosedur-prosedur Umum Kecemasan dan Khusus (sekiranya ada)
 - Fasiliti Pencegah Kebakaran
 - Sistem Arahan Kecemasan
 - Pelan Laluan Kecemasan
 - Talian Kecemasan
- 11.4 Pelan laluan kecemasan disediakan dan dipamerkan di tempat yang strategik, mudah dilihat pada setiap aras dan lif bangunan serta dikomunikasikan kepada semua staf, pelajar, kontraktor, pelawat dan orang yang berkepentingan. Maklumat yang diperlukan dalam pelan laluan kecemasan :
- Anak panah berwarna hijau menunjukkan arah pengungsian ke pintu keluar.
 - Lokasi pembaca "Anda di sini" dengan tanda titik merah dan ditunjukkan kedudukan pembaca.
 - Kedudukan pintu keluar ke tangga keselamatan.
 - Kedudukan tempat berkumpul terdekat dengan bangunan.
- Nota : Pegawai insiden perlu mengenalpasti dan menetapkan tempat berkumpul yang sesuai. Tempat berkumpul hendaklah disediakan oleh PTJ berdasarkan kriteria berikut :
- Kawasan yang selamat untuk berkumpul.
 - Jarak minimum dari bangunan adalah 30m yang mana lebih jauh.
 - Boleh menampung beban kependudukan.
 - Memasang tanda tempat berkumpul.
 - Memasang tanda arah ke tempat berkumpul.
 - Menyediakan sistem pencahayaan di tempat berkumpul.
 - Memastikan laluan ke tempat berkumpul adalah selamat dan tidak terhalang. Nota : Hebahan kepada semua staf, pelajar, kontraktor dan pelawat mengenai lokasi tempat berkumpul.
 - Kedudukan alat pemadam api.
 - Komander Insiden/Ketua aras dan nombor telefon.
- 11.5 Talian Kecemasan.
- Talian kecemasan hendaklah dipamerkan di tempat-tempat strategik dan mudah dilihat pada setiap aras dan lif bangunan. Agensi luar yang terlibat dalam insiden kecemasan :
- Jabatan Bomba dan Penyelamat - Gerakan menyelamatkan dan memadam kebakaran.
 - Hospital - Rawatan kecemasan akibat kecederaan.
 - Polis Diraja Malaysia - Pemantauan trafik dan orang ramai.
- 11.6 Pelan lokasi kedudukan bahan kimia dan bahan mudah terbakar (sekiranya ada) hendaklah disediakan dan daftar bahan kimia hendaklah disertakan dalam ERP.
- 11.7 Komander insiden bertanggungjawab untuk mengemaskini ERP jika terdapat sebarang perubahan maklumat dalam pelan tindakan kecemasan tersebut.

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN	HALAMAN		DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>	10		28


12.0 PROSEDUR TINDAKAN KECEMASAN

12.1 Prosedur tindakan kecemasan merupakan langkah-langkah sistematik yang perlu diambil untuk menghadapi situasi kecemasan dengan cepat dan efektif dengan tujuan :

- Mengurangkan kecederaan
- Mengurangkan kerosakan harta benda
- Meminimumkan kemusnahan kepada alam sekitar dan orang ramai
- Menguruskan kesinambungan perkhidmatan
- Menyediakan latihan asas dan meningkatkan kesediaan kepada semua orang yang terlibat dalam kecemasan

12.2 Penentuan prosedur pengungsian bangunan dilaksanakan berdasarkan kategori premis dan sistem pencegah kebakaran yang terdapat di zon tersebut (Lampiran A).

Rajah 1.3 Prosedur Pengungsian Bangunan



 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>		11	28

- 12.3 Prosedur umum bagi tindakan kecemasan untuk menangani kes - kes kecemasan sekiranya berlaku di tempat kerja (Lampiran B).
- 12.4 ERT hendaklah membangunkan prosedur khusus yang berkaitan dengan jenis kecemasan yang khusus kepada fungsi PTJ sendiri seperti tumpahan kimia, kebocoran sinaran radioaktif, kebocoran arus elektrik, pelupusan bahan berjadual dan lain - lain.
- 12.5 Sistem arahan kecemasan merupakan panduan untuk membantu melancarkan proses pemakluman kes kecemasan supaya lebih efektif (Lampiran C).

ARAHAN TAHAP PERTAMA	Sistem arahan tahap pertama adalah untuk kes kecemasan peringkat 1 yang melibatkan proses pengungsian pada satu aras sahaja atau untuk proses yang tidak melibatkan proses pengungsian bangunan.
ARAHAN TAHAP KEDUA	Sistem arahan tahap kedua adalah untuk kes kecemasan peringkat 2 yang melibatkan proses pengungsian keseluruhan bangunan yang terlibat sahaja.
ARAHAN TAHAP KETIGA	Sistem arahan tahap ketiga adalah untuk kes kecemasan peringkat 3 atau 4 yang melibatkan proses pengungsian keseluruhan bangunan dan bangunan yang berhampiran dengan bangunan yang terlibat. Kecemasan mungkin melibatkan beberapa PTJ atau beberapa bangunan dalam PTJ yang sama.

13.0 KOMUNIKASI DAN HEBAHAN

- 13.1 Prosedur kecemasan hendaklah dikomunikasikan kepada semua staf, pelajar, kontraktor dan pelawat di mana salah satu kaedah hebahan dan komunikasi melalui taklimat keselamatan.
- 13.2 Taklimat keselamatan merupakan suatu sesi penerangan berkaitan tindakan kecemasan yang perlu dilakukan oleh individu mahupun kumpulan jika berlaku sebarang kecemasan semasa di Universiti.
- 13.3 Pelaksanaan taklimat keselamatan melalui dua (2) kaedah hebahan iaitu :
- Pengumuman secara verbal; atau
 - Tayangan video
- 13.4 Pelaksanaan taklimat keselamatan diberikan oleh komander insiden, pemilik program atau bangunan untuk memberi informasi berkaitan dengan tindakan kecemasan sebelum berlangsungnya pembelajaran/program/majlis rasmi.
- 13.5 Pegawai insiden hendaklah memaklumkan kepada pihak COSHE berkaitan dengan insiden kecemasan yang berlaku dan pelaporan kemalangan dikemukakan secara dalam talian melalui Sistem UniSIS.

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>		12	28

14.0 FASILITI PENCEGAH KEBAKARAN

- 14.1 Sistem pencegah kebakaran daripada sistem perlindungan aktif dan pasif yang berperanan untuk memberi perlindungan kepada penghuni bangunan dengan cara mengesan, mengawal dan memadam kebakaran diperingkat awal bagi mengelakkan kerosakkan dan kemusnahan akibat kebakaran.
- 14.2 Sistem perlindungan kebakaran aktif dipasang tetap pada bangunan atau premis merangkumi tiga (3) cara tindakan untuk mengesan dan memberi isyarat, mengawal dan memadam kebakaran. Sistem aktif adalah seperti :
- *External Fire Hydrant System*
 - *Hose Reel System*
 - *Dry Riser System*
 - *Wet Riser System*
 - *Automatic Sprinkler System*
 - *Automatic CO₂ Extinguishing System*
 - *Automatic Fire Detection and Alarm System*
 - *Manual Call Points*
 - *Fire Detectors*
 - *Fire Lift*
 - *Emergency Power System*
- 14.3 Sistem perlindungan pasif merupakan unsur-unsur dalam bangunan yang berupaya untuk melaksanakan fungsinya tanpa bantuan atau berkehendakan bantuan bagi membendung atau menyekat asap dan api daripada merebak dalam bangunan semasa kebakaran. Sistem pasif terbahagi kepada :
- Sistem pemetakan
 - Sistem ketahanan kebakaran – Pintu rintangan api / koridor lindungan api
 - Jalan keluar keselamatan – Mendatar, menegak dan jalan keluar terakhir
- 14.4 Pihak penyelenggaraan sistem kebakaran hendaklah melakukan pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala ke atas semua sistem peralatan pencegah kebakaran berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan pada bila-bila masa.
- 14.5 ERT mempunyai kemahiran dalam menggunakan peralatan pencegah dan kelengkapan keselamatan kebakaran serta berkeupayaan bertindak segera untuk memberikan bantuan menyelamatkan dan mengungsi bangunan.
- 14.6 Penghuni hendaklah mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai alat pencegahan kebakaran yang disediakan dan selok-belok bangunan seperti :
- Kedudukan dan penggunaan peralatan pencegah kebakaran (alat pemadam api/ pecah kaca/ gegelongsong hos) yang paling hampir.
 - Jalan keluar yang berhampiran dan laluan kecemasan menuju jalan keluar.
 - Laporkan kepada ERT sekiranya :
 - Tidak mendengar isyarat amaran semasa latihan kebakaran.
 - Halangan pada pintu keluar/jalan keluar dengan longgokan barang-barang.
 - Alat pemadam api hilang, terlindung, dirosakkan atau tidak boleh digunakan lagi.

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>		13	28

15.0 PROGRAM LATIHAN TINDAKAN KECEMASAN


15.1 Latihan/Taklimat/Kursus

- 15.1.1 Pegawai insiden perlu merancang kursus yang perlu disertai oleh ahli ERT pada tahun pertama lantikan.
- 15.1.2 Latihan/ Kursus ERT yang diperlukan adalah Induksi Tindakan Kecemasan, Simulasi TTX, Kursus Asas Kebommbaan dan Kursus Pertolongan Cemas/ *Basic Life Support Training*.
- 15.1.3 Penghuni perlu diberikan pendedahan dan pengetahuan latihan asas supaya sentiasa bersedia dan mengetahui tindakan yang perlu diambil jika berlaku kecemasan.
- 15.1.4 Program keselamatan kebakaran (ceramah/ demo/ taklimat/ kempen) boleh dilakukan satu (1) kali setahun melibatkan warga Universiti untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan asas sebagai persediaan tindakan kecemasan.

15.2 Latihan Kebakaran

- 15.2.1 Pegawai insiden hendaklah merancang untuk mengadakan latihan kebakaran sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun. Kekerapan latihan ditentukan mengikut risiko bahaya kebakaran di zon tersebut.

Rajah 1.4 Jenis Latihan Kebakaran



15.2.2 Jenis latihan kebakaran adalah seperti berikut :

- Latihan Pengungsian (Evacuation Drill) - Latihan yang hanya melibatkan penghuni sahaja bagi proses pengosongan bangunan. JBPM hanya dilantik sebagai pemerhati (observer).
- Latihan Kebakaran (Fire Drill) - Latihan yang melibatkan semua penghuni bagi proses pengosongan bangunan, mempunyai senario kejadian serta melibatkan JBPM bagi proses pemadaman dan penyelamatan. JBPM juga terlibat sebagai pemerhati (observer).
- Latihan Bersama (Mock Drill) - Latihan yang melibatkan semua penghuni bagi proses pengosongan bangunan, mempunyai senario kejadian serta melibatkan agensi lain seperti JBPM, Polis dan Hospital serta lain-lain agensi sokongan bagi proses pemadaman dan penyelamatan. JBPM juga terlibat sebagai pemerhati (observer), pengadil beserta pemerhati dalaman dan luaran.

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>		14	28


15.2.3 Pengungsian bangunan dapat dibahagikan kepada dua (2) jenis iaitu:

- Total Evacuation : Pengungsian jenis ini akan melibatkan semua penghuni yang berada di dalam bangunan tersebut. Tidak seorang pun yang akan terkecuali.
- Partial Evacuation : Pengungsian jenis ini hanya akan melibatkan bahagian-bahagian tertentu sahaja yang telah dipilih dan tidak meliputi semua bahagian.

15.2.4 Pelaksanaan Latihan Kebakaran merangkumi Mesyuarat Pelarasan, Simulasi TTX, Latihan Kebakaran dan Post-Mortem.

Perkara	Aktiviti	PIC	Penasihat/ Pemerhati
Mesyuarat Pelarasan	Skop : • Pelantikan & Peranan ERT • Prosedur Tindakan Kecemasan • Fasiliti Cegah Kebakaran • Kawalan Lalu Lintas • Rawatan & Kecemasan	Komander Insiden	COSHE JKes JP PKU Pengurus KKP PTJ
Simulasi TTX	Kaedah : Bersemuka/Dalam Talian Skop : • Pelantikan & Peranan • Prosedur Tindakan Kecemasan • Hebahan & Komunikasi	COSHE	COSHE JKes JP PKU Pengurus KKP PTJ
Latihan Kebakaran	Peringkat Zon Jenis Latihan : <i>Evacuation Drill/ Fire Drill/ Mock Drill</i> Kecemasan Tahap 1/2/3/4 Pemerhati dalaman & luar	COSHE	BOMBA COSHE JKes JP PKU Pengurus KKP PTJ
Post-Mortem	Skop : • Pelantikan & Peranan ERT • Prosedur Tindakan Kecemasan • Fasiliti Cegah Kebakaran • Kawalan Lalu Lintas • Rawatan & Kecemasan	COSHE	BOMBA COSHE JKes JP PKU Pengurus KKP PTJ

Rajah 1.5 Proses Latihan Kebakaran



 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>		15	28

15.2.5 Latihan kebakaran pada tahun berikutnya tertakluk kepada :

- Keperluan perundangan
Nota : Pengulangan semula latihan kebakaran dilakukan hanya melibatkan pemerhati dalaman Universiti.

- Berlaku insiden kecemasan

15.2.6 Laporan latihan kebakaran didokumen dan dibentangkan dalam mesyuarat pentadbiran/JKK PTJ bagi tujuan penambahbaikan berterusan tindakan kecemasan.

16.0 PENUTUP


Panduan ERP ini diharap dapat memantapkan pengurusan insiden dan kecemasan di tempat kerja selaras dengan komitmen Universiti untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif.



LAMPIRAN A

A

CARTA ALIR PENGUNGSIAN BANGUNAN






B

SPKA

Sis.Cegah Automatik

Sis.Penggera

CARTA ALIR PENGUNGSIAN BANGUNAN






C

Sis.Penggera Manual


CARTA ALIR PENGUNGSIAN BANGUNAN



 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ Emergency Response Team (ERT)		20	28

D


CARTA ALIR TUMPAHAN BAHAN BERBAHAYA



 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ Emergency Response Team (ERT)		21	28

E

CARTA ALIR TUMPAHAN BAHAN BERBAHAYA – MERKURI



 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>		22	28

LAMPIRAN B

Prosedur 1

Prosedur Melapor Kecemasan

Perkara-perkara berikut perlu dilakukan apabila berlaku kecemasan :

1. Bertenang dan cuba untuk menenangkan orang lain.
2. Sekiranya hal kecemasan tersebut memerlukan pengungsian bangunan, aktifkan alarm kebakaran jenis pecah kaca.
3. Hubungi bahagian keselamatan dengan segera dan terangkan secara ringkas situasi kecemasan dan lokasi di mana kecemasan tersebut berlaku.
4. Maklumkan kepada ERT/ketua aras untuk proses mengungsikan bangunan.
5. Bergerak ke tempat berkumpul dengan segera

Prosedur 2

Prosedur Umum Pengungsian Bangunan

Apabila terdengar amaran kecemasan (bunyi loceng kecemasan) atau arahan untuk mengungsikan bangunan :

1. Padam semua suis elektrik dan semua peralatan elektrik.
2. Segera mengungsikan bangunan.
3. Tutup semua pintu apabila keluar dari bangunan.
4. Berkumpul di tempat berkumpul yang ditentukan bagi bangunan tersebut.
5. Tunggu arahan selanjutnya dari pegawai insiden.
6. Kekal di tempat berkumpul sehingga diarahkan untuk bersurai.
7. Merokok tidak dibenarkan di tempat berkumpul.

Prosedur 3

Prosedur Pengungsian ketika Kebakaran

Perkara - perkara berikut mesti diikuti dengan segera selepas mendapati berlaku kebakaran :

1. Bantu sesiapa dalam bahaya ke tempat selamat.
2. Aktifkan penggera kebakaran jenis pecah kaca.
3. Tutup semua pintu atau tingkap sekiranya boleh.
4. Sekiranya kebakaran itu adalah kecil, cuba kawal kebakaran menggunakan Alat Pemadam Api mudah alih.
5. Sekiranya tidak berjaya, keluar dari bangunan dan bergerak ke tempat berkumpul.
6. Guna laluan tangga untuk pengungsian bangunan.
(Penggunaan lif adalah tidak dibenarkan)

Prosedur 4

Prosedur Pos Kawalan Kecemasan (*Command Post*)

1. Pegawai Insiden apabila menerima makluman terdapat kecemasan, tentukan dan buat Pos Kawalan Kecemasan.
2. Gerakan fasiliti untuk membuat pos kawalan ditempat yang ditentukan.
3. Hadkan akses ke pos kawalan hanya untuk personal yang diberi kebenaran sahaja.
4. Pastikan sekurang-kurangnya seorang petugas perlu berada di pos kawalan sepanjang masa.

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN	HALAMAN		DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>	23		28

Prosedur 5 Prosedur Bantuan Perubatan

Apabila berlaku kecemasan yang memerlukan rawatan segera ke atas mangsa yang terlibat, pasukan bantu mula (*first aider*) hendaklah :

1. Berikan rawatan berdasarkan keadaan dan tahap keterukan kecederaan mangsa, keutamaan rawatan adalah kepada mangsa yang lebih teruk.
2. Periksa tindak balas mangsa dengan bertanya pada mangsa jenis kecederaan.
3. Periksa nadi mangsa.
4. Periksa saluran pernafasan mangsa.
5. Kecelakaan fizikal, pendarahan, hendaklah diberi rawatan yang bersesuaian untuk menghentikan pendarahan dan dapatkan bantuan perubatan segera untuk membawa mangsa ke pusat kesihatan/hospital untuk rawatan lanjut.
6. Sekiranya mangsa tidak bernafas, hubungi ambulan dan berikan 30 tekanan pada dada mangsa serta bantuan pernafasan CardioPulmonary Resuscitation (CPR). Teruskan membantu mangsa dengan CPR sehingga bantuan kecemasan tiba atau sehingga mangsa menunjukkan tindak balas bernafas.

Prosedur 6 Prosedur Mengira Jumlah Orang

Apabila berlaku kecemasan yang memerlukan pengungsian bangunan, semua penghuni hendaklah berkumpul di tempat berkumpul yang telah ditentukan. Ketua Blok hendaklah membuat kiraan jumlah orang yang telah berkumpul :

1. Kumpulkan semua penghuni mengikut aras dan bangunan yang terlibat.
2. Kawal keadaan dan beri arahan untuk mengira orang yang telah berkumpul.
3. Laporkan orang yang tidak ada dengan kadar segera kepada Komander Insiden.
4. Terus berada di tempat berkumpul sehingga dimaklumkan selamat untuk kembali ke bangunan yang terlibat.

Prosedur 7 Prosedur Kawalan Trafik Dan Orang Ramai

Apabila berlaku kecemasan yang melibatkan laluan trafik dan orang ramai prosedur kawalan trafik dan orang ramai hendaklah dilaksanakan seperti berikut :

1. Anggota yang bertugas hendaklah memastikan semua kenderaan yang melalui laluan yang berisiko dihalakan ke laluan alternatif yang lebih selamat.
2. Tutup laluan dan lakukan kawalan lalu lintas ditempat kejadian dengan kelengkapan menutup laluan yang diperlukan sekadar yang dipraktikkan.
3. Memastikan kenderaan yang dipakir berhampiran dengan tempat kejadian dialihkan ke tempat yang lebih selamat sekiranya tidak berisiko kepada anggota keselamatan.
4. Menunjuk arah kepada kenderaan Penyelamat, Bomba, Ambulan dan yang mendapat kebenaran untuk akses ke lokasi yang betul.
5. Mengarahkan orang ramai untuk bergerak ke tempat berkumpul yang telah disediakan.
6. Memastikan hanya personel yang diberi kebenaran untuk berada di lokasi sahaja berada di tempat kejadian.
7. Mengawal pergerakan orang ramai di tempat kejadian sehingga keadaan selamat.

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN	HALAMAN		DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>	24		28

Prosedur 8

Prosedur Pencegahan

Pihak pengurusan PTJ hendaklah melaksanakan prosedur pencegahan untuk memastikan kecemasan dapat dicegah daripada berlaku dan sekiranya kemalangan masih juga berlaku langkah untuk menangani dapat ambil dengan lebih berkesan. Prosedur ini melibatkan pengawasan dan penyelenggaraan semua sistem yang terdapat tempat kerja :

1. Pemeriksaan berkala penyelenggaraan kelengkapan dan peralatan sistem pengesanan (seperti sistem penggera kebakaran, pengesanan kebakaran, tumpahan bahan kimia, kebocoran gas dan sebagainya).
2. Pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala kelengkapan dan peralatan pemadam api.
3. Memastikan laluan keluar dan pintu keluar kecemasan tidak terhalang dan tidak berkunci sepanjang masa berpendudukan.
4. Pastikan sistem komunikasi berfungsi dengan baik dan boleh diakses apabila diperlukan.
5. Semua peralatan elektrik, mesin, perkakasan, dan bahan yang berisiko menyebabkan kemalangan diselenggara dan diurus dengan betul dan sempurna.

Prosedur 9

Prosedur Persediaan

Prosedur ini bertujuan memastikan staf dan ERT telah diberikan latihan dan *drill* bagi membolehkan tindakan yang berkesan apabila berlaku kecemasan :

1. Melaksanakan setiap jenis latihan dan *drill* dengan kekerapan pelaksanaan latihan yang bersesuaian serta melakukan penilaian terhadap hasil latihan.
2. Menerangkan apa, siapa dan bagaimana sesuatu tindakan perlu diambil apabila berlaku kecemasan.
3. Latihan – latihan khas seperti pemakaian kelengkapan perlindungan peribadi, bantuan pertolongan cemas dan menyelamatkan, penggunaan alat pemadam kebakaran, kelengkapan mengawal tumpahan, membuat pemberitahuan dan komunikasi.
4. Staf baru haruslah diberi tunjuk ajar dengan keterangan yang cukup tentang latihan kecemasan yang dijalankan.
5. Setiap ERT perlu diberikan latihan khas dalam tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

Prosedur 10

Prosedur Tumpahan Kecil / Minor Spills

- Pastikan memakai peralatan perlindungan diri seperti sarung tangan kalis bahan kimia, pelindung mata, but dan pakaian pelindung yang sesuai untuk bertindak balas terhadap tumpahan dengan merujuk kepada SDS bahan kimia tersebut.
- Segera memberitahu orang lain di kawasan sekitar untuk mengosongkan kawasan tumpahan.
- Pasang *safety barricade* seperti pita penghadang agar orang yang tidak berkepentingan masuk ke kawasan tumpahan kimia.
- Kenal pasti bahaya yang terlibat dan gunakan maklumat mengenai sifat fizikal dan kimia bahan tersebut untuk menilai tindak balas.
- Jika terdapat pendedahan kimia kepada staf/pelajar, lakukan proses nyahcemar kepada mangsa, hubungi dan serahkan mangsa kepada Pusat Kesihatan Universiti (PKU) / Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secepat mungkin.
- Elakkan menghidu serbuk halus/gas/wap yang terhasil dari tumpahan tersebut.
- Kawal sumber tumpahan dari merebak ke skala yang lebih besar/luas dengan penghalang (damming) atau gunakan bahan penyerap yang sesuai dari kit tumpahan.
- Gunakan alat bukan logam seperti pengaut plastik untuk membersihkan tumpahan.
- Nyahcemar kawasan, peralatan dan pakaian yang terjejas dan lupuskan apa-apa bahan yang tercemar dengan sewajarnya.

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>		25	28

1. Tumpahan Kimia Asid
 - Neutralkan asid tersebut dengan menaburkan Natrium bikarbonat/ Natrium karbonat/ Kalsium Karbonat di atas tumpahan bermula dari luar sehingga mencapai pH 6.5.
2. Tumpahan Kimia Alkali
 - Pastikan pengudaraan yang mencukupi.
 - Hapuskan semua sumber penyalan, termasuk bahan mudah terbakar.
 - Betulkan bekas yang terbalik atau hentikan kebocoran hanya jika selamat untuk berbuat demikian.
 - Neutralkan bahan alkali tersebut dengan menaburkan serbuk natrium bisulphite, asid boric atau asid oxalic di atas tumpahan bermula dari luar.
3. Tumpahan Kimia Pepejal
 - Sapu bahan pepejal yang tertumpah ke dalam bekas plastik dan letakkan dalam bekas yang tertutup.
 - Lap kawasan tumpahan dengan tuala kertas basah dan buang tuala tersebut ke dalam bekas yang tertutup.
4. Tumpahan Kimia Cecair
 - Letakkan pad penyerap keatas tumpahan bermula dari tepi.
5. Tumpahan Kimia Cecair Mudah Terbakar
 - Kawal semua sumber pencucuhan, termasuk peralatan elektrik dan haba.
 - Letakkan pad penyerap keatas tumpahan bermula dari tepi.
 - Angkat pad yang tercemar dengan pengaut dan masukkan ke dalam tong tahan bahan kimia.
 - Lap kawasan tercemar dengan mop basah bersama sabun (jika bahan kimia larut dalam air).
6. Tumpahan Kimia (Merkuri) – Termometer (Lampiran D)
 - Buka pintu dan tingkap bagi memastikan aliran pengudaraan yang mencukupi.
 - Tabur sulfur/belerang yang mencukupi di kawasan tumpahan merkuri tersebut. Biarkan cecair merkuri meresap ke dalam sulfur.
 - Sapu sulfur yang tercemar dengan pengaut plastik dan masukkan ke dalam bekas buangan terjadual.
 - Lap kawasan tercemar dengan 100% cecair Clorox.

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ Emergency Response Team (ERT)		26	28

LAMPIRAN C

SISTEM ARAHAN KECEMASAN

ARAHAN TAHAP PERTAMA	
Sistem arahan tahap pertama adalah untuk kes kecemasan peringkat 1 yang melibatkan proses pengungsian pada satu aras sahaja atau untuk proses yang tidak melibatkan proses pengungsian bangunan.	
Peranan	Tindakan
Staf/Pelajar	Menemui Kecemasan Laporkan kepada Ketua Aras.
Ketua Aras	Laporkan kepada Komander Insiden/Timb. Komander Insiden (Ambil langkah pencegahan segera/ bantuan kecemasan awal/ pengungsian bangunan).
Komander Insiden/ Timb. Komander Insiden	Laporkan kepada Bahagian Keselamatan/COSHE/PKU. (Hubungi ERT yang berkaitan : Pasukan Pemadam/ Pasukan Penyelamat/ Pasukan Rawatan Bantu Mula)
Bahagian Keselamatan	Hubungi bantuan luar sekiranya perlu: BOMBA/Polis/Hospital.

ARAHAN TAHAP KEDUA	
Sistem arahan tahap kedua adalah untuk kes kecemasan peringkat 2 yang melibatkan proses pengungsian keseluruhan bangunan yang terlibat sahaja.	
Peranan	Tindakan
Staf/Pelajar	Menemui Kecemasan Laporkan kepada Ketua Aras.
Ketua Aras	Laporkan kepada Komander Insiden/Timb. Komander Insiden (Buat siasatan dan aktifkan amaran kebakaran, ambil langkah pencegahan segera/ bantuan kecemasan awal/ pengungsian bangunan, dari semasa ke semasa hubungi Insiden Komander untuk memaklumkan situasi terkini kes kecemasan, laporkan bilangan penghuni yang telah berkumpul di tempat berkumpul)
Komander Insiden/ Timb. Komander Insiden	Laporkan kepada Bahagian Keselamatan/COSHE/PKU. (Hubungi ERT, hubungi Ketua PTJ, bina pos gerakan, aktif pasukan keselamatan, pemadam, bantuan kecemasan awal, penyelamat, buat kawalan parameter, dapatkan situasi terkini dari ketua aras, arahkan pegawai dokumentasi untuk membuat catatan kronologi, maklumkan situasi semasa kepada ketua PTJ, Bahagian Keselamatan, BOMBA dan lain-lain).
Bahagian Keselamatan	Hubungi bantuan luar sekiranya perlu: BOMBA/Polis/Hospital. (Bantu pihak bantuan luar untuk ke tempat lokasi kejadian, gerakkan ERT universiti sekiranya perlu, hubungi COSHE, hubungi pegawai tinggi Universiti lain sekiranya perlu).

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ Emergency Response Team (ERT)		27	28

ARAHAN TAHAP KETIGA	
Sistem arahan tahap ketiga adalah untuk kes kecemasan peringkat 3 atau 4 yang melibatkan proses pengungsian keseluruhan bangunan dan bangunan yang berhampiran dengan bangunan yang terlibat. Kecemasan mungkin melibatkan beberapa PTJ atau beberapa bangunan dalam PTJ yang sama.	
Peranan	Tindakan
Staf/Pelajar	Menemui Kecemasan Laporkan kepada Ketua Aras.
Ketua Aras	Laporkan kepada Komander Insiden/ Timb. Komander Insiden/ Ketua Blok. (Buat siasatan dan aktifkan amaran kebakaran, ambil langkah pencegahan segera/bantuan kecemasan awal/pengungsian bangunan, dari semasa ke semasa hubungi Insiden Komander untuk memaklumkan situasi terkini kes kecemasan)
Ketua Blok	Hubungi Komander Insiden/ Timb. Komander Insiden, hubungi ketua aras, ketua blok lain (Selaraskan proses pengungsian bangunan dan pastikan pasukan kecemasan di maklumkan dengan menghubungi Komander Insiden dan Bahagian Keselamatan dari semasa ke semasa maklumkan situasi terkini kes kecemasan).
Komander Insiden/ Timb. Komander Insiden	Laporkan kepada Bahagian Keselamatan/COSHE/PKU/Insiden Komander Universiti. (Hubungi ERT, hubungi Ketua PTJ yang terlibat, bina pos gerakan, aktif pasukan keselamatan, pemadam, bantuan kecemasan awal, penyelamat, buat kawalan parameter, dapatkan situasi terkini dari ketua aras, arahkan pegawai dokumentasi untuk membuat catatan kronologi, maklumkan situasi semasa kepada ketua PTJ, Bahagian Keselamatan, BOMBA dan lain-lain, apabila Komander Insiden tiba terangkan situasi semasa dan serahkan tugas kepada Komander Insiden Universiti)
Bahagian Keselamatan	Hubungi bantuan luar sekiranya perlu: BOMBA/Polis/Hospital. (Bantu pihak bantuan luar untuk ke tempat lokasi kejadian, gerakkan ERT universiti, hubungi Pejabat atau COSHE, hubungi pegawai tinggi Universiti lain sekiranya perlu).
Komander Insiden Universiti	Hubungi ERT Universiti, hubungi NC dan lain lain pegawai tinggi Universiti. (Gerakkan ERT universiti, hubungi ERT, hubungi Ketua PTJ, bina pos gerakan, aktif pasukan keselamatan, pemadam, bantuan kecemasan awal, penyelamat, buat kawalan parameter, dapatkan situasi terkini dari Komander Insiden, arahkan pegawai dokumentasi untuk membuat catatan kronologi, maklumkan situasi semasa kepada ketua organisasi, pasukan BOMBA dan lain-lain).

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	Manual Pengurusan KKP	OSHMS-2	01.09.2025	5
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	Garis Panduan Pasukan Tindakan Kecemasan/ <i>Emergency Response Team (ERT)</i>		28	28

LAMPIRAN D

SENARAI MERCURY SPILL KIT / KIT TUMPAHAN MERKURI

ITEM		ITEM	
	Lampu suluh dan bateri		Label untuk pelupusan merkuri
	Kadbod - dua keping		Sarung tangan Nitril – 1 pasang
	Pita selofan telus, kelebaran dua inci		Goggle
	Forsep pakai buang		Apron plastik pakai buang x 1
	Dua picagari 10 cc / eye dropper		Gown plastik pakai buang x 1
	Serbuk Sulfur - 250 gram		Penutup kasut pakai buang
	Bag plastik (self-sealing) X 4		Tuala Kertas
	Bekas plastik yang kuat untuk gelas instrumen yang pecah (Contoh urine container)		Penanda Merkuri - Awas Pembersihan Bahan
	Beg plastik yang kuat (Saiz tong sampah) x 2		Tumpahan Sedang Dijalankan Pita berjalur merah dan putih
	Face Mask/Respirator		Carta Aliran Panduan Cara Pembersihan dan Pelupusan Merkuri yang Tertumpah dari Thermometers yang Pecah (dilekat di luar Mercury Spill Kit)
	Pengikat kabel x 10		Chemical Safety Data Sheet untuk Merkuri (disimpan bersama merkuri spill kit).
Nota : Periksa kandungan mercury spill kit setiap 6 bulan termasuk tarikh luput bateri dan serbuk sulfur.			